


DI SEKITAR DAN PEMANDANGAN PENULIS QALAM DI BANDAR NEW YORK



Pemandangan di tengah-tengah bandar Manhattan di bandar New York

(Oleh Ahmad bin Hussein)

New York ialah sebuah kota yang paling besar. Setengah-setengah orang berkata bahawa kota New York itu ialah sebuah bandar yang besar sekali dalam dunia. Penduduk-penduduk New York sendiri mempunyai pandangan bahawa kota mereka itu bukan sahaja sebuah kota yang habis besar sekali tetapi juga ialah sebuah kota yang ajaib. Sikap-sikap penduduk New York itu nampaknya patut. Bangunan-bangunan pencakar langit yang ada beberapa banyak di sini sahaja adalah menjadikan kota ini sebuah kota yang terkemuka terutamanya di antara kota-kota yang besar di dunia. Seseorang penduduk Singapura atau Tanah Melayu harus bermegah mengatakan bahawa Singapura itulah kota yang paling sibuk di Tenggara Asia ataupun Pulau Pinang itulah sebuah pulau yang hebat dan cantik sekali di dunia di sebelah Timur. Demikian jugalah penduduk-penduduk New York bermegah mengatakan bahawa kota mereka ialah kota yang paling ajaib dalam dunia. Seseorang asing dari Tanah Melayu yang tiba di New York akan berkata terus bahawa sesungguhnya kota ini ialah sebuah kota yang ajaib, sungguhpun kota itu bukanlah sebuah kota yang boleh dikatakan paling cantik.

Kota New York itu bukanlah sebuah kota yang paling besar atau yang paling ajaib kerana kapal-kapal yang sehabis besar

sekali berlabuh di pelabuhan, atau kerana ia sebuah pusat kapal terbang seluruh dunia, atau kerana beribu-ribu orang dari segala ceruk datang melawatnya tiap-tiap hari, ataupun oleh kerana bilangan penduduknya adalah hampir-hampir sembilan million.

Akan tetapi jika dikatakan bahawa bangunan yang masyhur di New York, iaitu "The Empire State Building" itu mempunyai 102 tingkat

dan tinggi kemuncaknya dari jalan raya ialah 1,250 kaki, panggung wayang yang bernama

"Radio City Music Hall" itu mempunyai

tempat bagi 6,200 orang, kebun tempat peranginan yang bernama

"Central Park" itu panjangnya dua setengah batu dan

lebarnya setengah batu yang di dalamnya ada beberapa buah tasik,

sekolah gambar New York yang bernama "The American Museum of Natural History" itu ialah sebuah bangunan

yang besar yang di dalamnya ditunjukkan binatang-binatang dari seluruh daerah dunia ini, termasuk beberapa ekor gajah benua

Afrika dan burung-burung negeri sejuk beratus-ratus ekor

daripada segala rupa dan warna dan di dalam bangunan ini

ditunjukkan juga pertukangan dan hasil-hasil kepandaian

dan tamadun puak-puak manusia, dari zaman purbakala hingga

zaman ini, di bawah kota New York ini ada 525 buah

stesen keretapi yang dilalui oleh 13,179 buah keretapi

yang mengangkut sebanyak 4,400,000 penumpang tiap-tiap hari

kerja, di sini ada berderet-deret motokar berbatu-batu panjangnya

dan ada 60 buah jambatan, sebuah daripada jambatan itu

panjangnya 17 setengah batu, 28 jalan raya dan jalan keretapi

di bawah sungai. Pada tiap-tiap hari Ahad atau hari-hari cuti

musim panas seramai 1,500,000 orang pergi mandi atau

mengambil angin di sebuah tempat peranginan bernama "Coney Island".

maka pembaca-pembaca tentulah dapat mengetahui sedikit mengapa kota

New York ini dipandang sebagai sebuah kota yang ajaib.

Sesungguhnya kota New York ini ialah sebuah kota yang sangat besar lagi kaya dan banyak perkara-perkara di dalamnya hingga ada beberapa buah buku dan kata-kata diciptakan bagi penggunaan mereka yang baharu datang. Seseorang asing yang baharu datang, terutamanya jika ia datang dari sebuah bandar yang kecil, harus berasa bingung dibuat oleh bangunan yang tinggi-tinggi melangit, orang dan motokar yang banyak manakala pada waktu malam disinari oleh cahaya-cahaya api yang berbagai-bagai warna daripada panggung-panggung wayang dan lain-lain bangunan.

Pada waktu siang kota New York sibuk dengan kereta dan orang. Semuanya berjalan sebagai putaran jentera. Tetapi pada waktu petang kota ini, seperti bandar-bandar yang lain, bersenangkan diri. Lelaki dan perempuan, masing-masing mengenakan pakaian, pergi melihat wayang atau pergi ke restoran atau kafe. orang-orang tua atau pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang suka duduk atau bersiar-siar dalam tempat yang berangin dan lapang pergi ke kebun peranganin dekat sungai Hudson atau di Central Park. Mereka berehat di sini dengan membaca akhbar-akhbar, majalah-majalah, buku-buku, menulis atau bercengkerama. Ada juga yang bercakap dari hal rumah tangga, perkara dalam negeri dan perkara dunia.


Saya tiadalah tahu adakah New York ini kota yang paling ramai sekali bangsa-bangsa manusia tinggal di dalamnya. Mengikut sebuah buku pemandu "Guide Book" dalam kota ini ada hampir-hampir 12,000 tempat makan yang besar-besar yang memberi makanan 37 bangsa.

Nampaknya sekalian bangsa dunia ada di sini terutamanya orang-orang yang asalnya dari Eropah. Orang-orang Russian pun ada dan juga orang Pool, Sweden, Irish, Italian, Armenian, Suria, Jerman, Australian, Perancis, Sepanyol, Arab, Mesir, Indian, Pakistan, Jepun, Indonesia, Cina dan Melayu dan sebagainya. Bangsa-bangsa ini nampaknya berkumpul dalam beberapa tempat yang khas: orang Habsyi yang sudah tinggal di Amerika selama orang-orang American sendiri tinggal di suatu tempat yang bernama "Harlem" dikatakan seramai

70,000 orang Habsyi ini tinggal di sini; orang-orang Arab, Mesir, Syria dan lain-lain orang dari Timur Tengah kebanyakannya berkumpul di Brooklyn; orang Cina tinggal dalam daerah Selatan New York dan tempat mereka itu dipanggil "China Town", orang-orang Indonesia pun tinggal di Selatan juga, di Downtown New York, dalam daerah Delsey Street. Orang-orang Melayu boleh didapati di Brooklyn, Manhattan dan lain-lain tempat.

Pembaca-pembaca tentu hendak tahu akan hal orang-orang Melayu dalam kota New York ini. Setengah daripada pembaca-pembaca harus mempunyai saudara-saudara di sini. Maka tidak menjadi hairan jika seorang Melayu bertemu dengan seorang Melayu lain di jalan raya New York, sekarang penulis akan menyebut berita-berita yang penulis telah dapat mengumpulkan berkenaan dengan kehidupan orang-orang Melayu dalam New York. Penulis adalah diberitahu oleh kelasi-kelasi Melayu yang telah lama tinggal di sini, setengah daripada mereka itu telah berada di kota ini selama 30 tahun. Bahawa ramainya orang-orang Melayu di sini lebih kurang dua tiga ratus orang. Dan lagi penulis telah diberitahu juga bahawa banyak daripada mereka itu telah menukar nama seolah-olah mereka orang-orang Filipina. Pada fikiran mereka senang mendapat kerja jika mereka dipandang sebagai orang-orang Filipina kerana orang American lebih tahu orang Filipina daripada orang Melayu.

Boleh dikatakan semua orang Melayu yang ada di New York pada masa yang lalu ialah daripada kelasi-kelasi yang telah meninggalkan kapal. Tetapi penulis berasa suka hati melihat ada beberapa



Lihatlah bangunan pencakar langit di bandar New York

orang Melayu yang tetap memakai nama Melayu sungguhpun mereka itu telah berkahwin dengan orang American. Contohnya ialah seperti A. Amin, yang telah pusing dunia dengan bekerja sebagai kelasi dan ahli boxing. Amin telah datang ke Amerika 20 tahun dahulu. Sekarang ia telah berkahwin dengan seorang perempuan Red Indian, katanya. Rupa isterinya itu seperti orang putih American dan bukan seperti Red Indian yang penulis pernah lihat dalam wayang gambar. A. Amin mempunyai tiga orang anak, dua orang lelaki dan seorang perempuan. Budak-budak ini semua pergi ke sekolah di William Masberg. Anak sulungnya sudah darjah enam. Isterinya A. Amin dan anak-anaknya semua bercakap Inggeris cara American dengan fasih dan lancar. Tetapi A. Amin yang fasih bercakap Melayu dan yang telah hanya mempelajari bahasa Inggeris di laut dan di pelabuhan-pelabuhan tiadalah sebegitu fasih. Ia bercakap Inggeris seperti yang dikatakan di Tanah Melayu "Broken English". Sungguhpun demikian saya terlalu girang melihat isteri A. Amin itu menghormati A. Amin dan anak-anaknya menurut kata A. Amin seperti anak-anak Melayu di Tanah Melayu menurut kata ibu bapa mereka. Anak-anak A. Amin itu telah bercakap-cakap dengan kami dengan tiada perasaan malu atau segan, baik yang lelaki mahupun yang perempuan. Semua pertanyaan kami mereka menjawab terus, dan dalam bercakap-cakap itu mereka membaca majalah-majalah dan melukis. A. Amin ialah seorang bapa Melayu di Amerika yang cukup puas hati tentang anak beranaknya yang tinggal dalam tiga buah bilik, cukup lengkap dengan dapur moden dan perkakas moden, dalam sebuah bangunan yang besar bersama-sama dengan orang-orang Melayu yang lain.

Selain daripada A. Amin itu saya telah bertemu juga dengan seorang anak Pulau Pinang bernama Uthman bin Mat yang telah sampai di New York lebih kurang sepuluh tahun dahulu. A. Uthman telah berkahwin dengan seorang American dan ia telah bekerja dalam salah satu tempat perusahaan di New York. Isterinya yang cantik itupun bekerja juga sebagai setiausaha dalam sebuah gudang American. Kehidupan dua laki isteri ini baik. A. Uthman ada mempunyai seorang anak

lelaki yang belum pergi ke sekolah dan anaknya ini tak ubahnya seperti seorang budak Melayu.

Ada seorang Melayu lagi dari Melaka yang penulis telah dapat bertemu iaitu Haji Kadir. Tuan Haji ini masih muda dan telah mempelajari ilmu televisyen, radio dan fotografi dengan perbelanjaan kerajaan Amerika mengikut undang-undang GI Bill of Rights. Ia telah mempunyai sebuah kedai radionya sendiri. ada lagi orang Melayu yang penulis tiada sempat bertemu; mereka ini khabarnya telah berkahwin dengan orang-orang Puerto Rican dan Italian.

Di New York ada sebuah kelab orang-orang Indonesian yang letaknya di Island Street, perjalanan kelab ini, seperti yang dapat diketahui oleh penulis, tiada begitu baik; pertelingkahan di antara anggota-anggota kelab itu selalu terjadi. Akan tetapi sekarang ini orang-orang Melayu dan orang-orang Indonesian yang telah lama tinggal di New York sedar bahawa pada masa yang akan datang lebih-lebih banyak orang Melayu dan Indonesian akan datang ke Amerika, dengan demikian sepatutnyalah mereka berikhtiar memperbaiki keadaan kelab itu.

Penulis tiada dapat menamatkan kisah berkenaan dengan orang-orang Melayu dan Indonesian di New York ini jika tiada menyebutkan bahawa sebagai orang-orang yang baharu tiba di kota ini penulis dan sahabat-sahabat yang datang bersama-sama telah mendapat keraian daripada mereka itu. Orang-orang Melayu terutamanya telah menjemput dan membawa kami ke rumah mereka dan memperkenalkan kepada kami anak isteri mereka. Nampaknya mereka itu sangat megah melihat kami datang ke New York, dan mereka telah menceritakan kepada kami berjam-ham lamanya apa yang mereka telah buat di luar dan di dalam negeri Amerika.

Penulis suka juga menyebutkan bahawa setengah daripada orang Melayu kita di Amerika ini pada waktu peperangan dunia telah masuk berkhidmat dalam pasukan tentera Amerika dan sekarang mereka telah menjadi rakyat negara Amerika. Sekarang mereka telah beranak pinak dan tinggal dengan selamat sejahtera di sini. Ada juga di antara mereka itu hendak balik ke Tanah Melayu sementara kerana hendak menunjukkan kepada anak isteri mereka negeri tumpah darah mereka.